

AUTENTIKASI PERISTIWA-PERISTIWA SIRAH: SOROTAN TERHADAP BUKU TEKS SIRAH SEKOLAH RENDAH ISLAM DARUL IMAN (SRIDI) TAHUN 1-3 *[Authentication of Sirah Events: A Review of the Sirah Textbook for Islamic Elementary School Darul Iman (SRIDI) Year 1-3]*

ADI HAZMI BIN MOHD RUSLI ¹

¹ Department of Usul ad-Din, Kuliyyah of Shariah and Islamic Studies, Yarmouk University, Jordan
adihazmi@outlook.my, 0106596058

Keywords:

*Sirah; Takhrīj; Authentic;
 Textbook; SRIDI*

ABSTRACT

The establishment of the Darul Iman Islamic Primary School (SRIDI) by the Terengganu state government with the support of the Terengganu Department of Religious Affairs (JHEAT) is a manifestation of producing a generation of knowledgeable scholars who follow the national education system and have a strong foundation in religion in line with the National Education Philosophy. When it was founded in 2018, there were seven religious subjects taught, one of which was the Sirah subject. The Sirah subject plays a crucial role in shaping students' understanding of religion through comprehensive observation of the life of the Prophet Muhammad (PBUH), starting from his birth to his passing, encompassing the teachings and learning of Sirah. As a result, this research was conducted to determine the authentication of all hadiths related to the Sirah contained in the textbooks of Sirah for grades one to three, and to understand the views of Sirah scholars on a certain event in the absence of any authentic hadiths regarding that event. The methods used in this study were content analysis and comparison. Consequently, the study found that a total of 56 hadiths and two Quranic verses were used in 37 sirah events, and the majority of their content still fell within the acceptable range, namely 25 authentic hadiths and 20 weak hadiths accepted by sirah scholars, along with two Quranic verses representing 81%. The ratio of rejected weak hadiths is 11, representing 19%."

Kata Kunci:

*Sirah; Takhrīj; Autentikasi;
 Buku Teks; SRIDI*

ABSTRAK

Pengasasan Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI) oleh kerajaan negeri Terengganu dengan sokongan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) merupakan sebuah manifestasi dalam melahirkan generasi rabbani yang menguasai ilmu pengetahuan mengikut arus pendidikan kebangsaan dan mempunyai asas agama yang jitu seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Apabila ia mula tertubuh pada tahun 2018, terdapat tujuh mata pelajaran agama yang diajarkan dan salah satu daripadanya mata pelajaran Sirah. Subjek Sirah memainkan peranan terpenting dalam penjadian pelajar yang mempunyai pemahaman agama yang mustakim melalui pemerhatian terhadap potret hidup yang dipaparkan secara komprehensif oleh Rasulullah SAW dimulai dengan kelahiran sehinggalah kewafatan melantasi pengajaran dan pembelajaran sirah. Ekoran daripada itu, penyelidikan ini dilakukan untuk mengetahui autentikasi kesemua hadis berkaitan sirah yang termuat

dalam buku teks mata pelajaran Sirah tahun satu hingga tiga dan mengarifi pandangan cendekiawan sirah terhadap sesuatu peristiwa apabila tiada sebarang hadis yang thabit mengenai peristiwa itu. Metode yang diguna pakai dalam kajian ini ialah analisis kandungan dan perbandingan. Alhasil, kajian mendapati sebanyak 56 hadis dan dua ayat-Quran telah digunakan menerusi 37 peristiwa sirah, dan majoriti kandungannya masih lagi dalam lingkungan makbul iaitu sebanyak 25 hadis sahih dan 20 hadis daif yang diterima pakai oleh ahli sirah serta dua ayat al-Quran yang mewakili 81%, manakala nisbah hadis daif yang mardud pula ialah 11 hadis yang mewakili 19%.

Received: Januari 30, 2024

Accepted: March 30, 2024

Online Published: June 30, 2024

1. Pengenalan

Al-Quran adalah wahyu daripada Allah dan hadis adalah apa yang datang daripada Rasulullah SAW. Hadis merupakan sumber kedua dalam syariat Islam selepas al-Quran sebagaimana yang telah disepakati oleh para sarjana Islam. Para cendekiawan daripada kalangan sahabat semuanya kembali kepada hadis Rasulullah SAW apabila menerangkan maksud al-Quran kerana hadis adalah sumber syariat Islam mengenai halal dan haram mahupun perkara-perkara ghaib. Pun begitu, daripada segi autoriti dan autentikasi, al-Quran tidak boleh dipertikai autoriti dan autentikasinya kerana kesemua ayat al-Quran adalah mutawatir. Adapun hadis sebahagiannya dikategorikan sebagai *Qaṭʿ at-Thubūt*, manakala sebahagian yang lain bertaraf *Zanniyāt at-Thubūt* berdasarkan pentunjuk-petunjuk yang telah digariskan oleh para sarjana hadis. Oleh kerana itu, lahir pelbagai disiplin ilmu menerusi '*Ulūm al-Hadis* yang bertujuan meverifikasi hadis-hadis berkenaan kepada beberapa klasifikasi seperti sahih, hasan, daif dan maudu'. Kepentingan merujuk kepada sunnah atau hadis yang sahih adalah untuk mengelakkan umat Islam daripada penyelewengan dan penyalahgunaan teks-teks hadis demi kepentingan diri ataupun bagi tujuan meruntuhkan martabat Islam. Lebih malang lagi jika nas-nas tersebut berkaitan sirah yang boleh mengakibatkan persepsi songsang terhadap peribadi tubuh Rasulullah SAW dan seterusnya membawa kepada kehindaran umat Islam khususnya, mahupun bukan Islam untuk mempelajari sirah atau menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh teladan yang perlu diikuti. Justeru, perlu satu usaha bagi mengenal pasti autoriti dan autentikasi hadis-hadis tersebut dengan berpandukan kepada penilaian yang dibuat oleh sarjana hadis yang berautoriti.

Autentikasi hadis terutama hadis-hadis sirah ini amat perlu untuk dijadikan sebagai teks pengajian sirah dan bahan bacaan bukan sahaja kepada warga akademik mahupun mahasiswa dan mahasiswi, tetapi juga sebagai panduan umum untuk guru dan murid di sekolah serta masyarakat Islam. Kini, sebahagian sekolah mula memecahkan cabang ilmu Pendidikan Islam kepada beberapa subjek seperti Tauhid, Fiqh, al-Quran dan Sirah untuk diajarkan kepada murid secara berasingan dan tidak lagi disepadukan dalam satu mata pelajaran sahaja atas dasar kesedaran tentang peri mustahak kefahaman yang baik dan lurus terhadap setiap cabang ilmu ini. Menyedari hakikat ini, pada tahun 2018, kerajaan negeri Terengganu telah mengambil langkah proaktif menerusi jalinan kerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) untuk menubuhkan sekolah yang menggabungkan antara Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Agama Negeri. Rentetan daripada itu, Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI) merupakan sebuah pemanifestasian terhadap hasrat kerajaan negeri itu (Mohamad, 2018 & Mamat, 2018). Bagi Kurikulum Agama Negeri, terdapat tujuh mata pelajaran yang disajikan buat murid tahun satu hingga tahun enam meliputi al-Quran, Bahasa Arab, Tauhid, Feqah, Sirah, Akhlak dan Jawi (Abdullah, 2020). Manakala, kajian ini menfokuskan kepada autentikasi peristiwa-peristiwa sirah yang terkandung dalam mata pelajaran Sirah bagi tahun satu hingga tiga. Meskipun pengarangnya berusaha memuatkan fakta-fakta sirah yang sahih sahaja, namun pengkaji mendapati kesemua fakta sirah tidak ditulis berdasarkan Garis Panduan Penulisan dan Penerbitan Teks Hadīth yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) seperti tidak menuliskan sumber ambilan hadis dan tidak menyatakan status hadis. Oleh itu, satu usaha perlu dilakukan bagi menyemak status hadis-hadis seputar sirah ini seterusnya menyebut pandangan ulama sirah yang muktabar terhadap sesuatu peristiwa agar dapat memberi keyakinan kepada guru dan murid tentang autentikasi dan autoriti fakta-fakta sirah yang dikemukakan tersebut.

2. Metodologi Kajian

Menurut Ahmad Sunawari Long (2009) bidang kajian dokumentasi ke atas al-Quran, hadis dan kitab-kitab agama boleh dilakukan sama ada dengan menggunakan metode analisis kandungan, perbandingan dan kajian persejajaran terhadap isi dan tafsiran al-Quran serta pelbagai kitab tafsir termasuk penulisnya. Demikian juga kajian terhadap matan dan sanad hadis, kajian *takhrīj* hadis dan sebagainya. Justeru, pengkaji akan menggunakan metode analisis kandungan dan perbandingan dalam mencapai objektif-objektif kajian.

Pertama, penggunaan metode analisis kandungan. Kajian ini menfokuskan kepada dua aspek. Pertama tentang autentikasi peristiwa-peristiwa sirah dan kedua tentang pandangan ahli sirah terhadap sesuatu peristiwa sekiranya tiada hadis *thabit* mengenai peristiwa tersebut. Kesemua fakta-fakta sirah ini diambil daripada buku teks subjek Sirah tahun satu hingga tiga yang mana pengarang buku tidak menyatakan sumber ambilan hadis, apatah lagi status atau hukumnya. Oleh itu, bagi mengenalpasti autentikasi hadis-hadis sirah yang diguna pakai dan pandangan ahli sirah tentang sesuatu peristiwa, pengkaji akan melaksanakan analisis kandungan dan penelitian terhadap al-Quran, kitab-kitab tafsir, kitab-kitab hadis, kitab-kitab syarahan hadis dan kitab-kitab sirah kerana kitab-kitab ilmiah ini adanya nukilan peristiwa-peristiwa sirah bersama sanad serta pandangan ahli sirah terhadap sesuatu peristiwa yang menjadi subjek utama penyelidikan. Bagi melancarkan proses pencarian ini, pengkaji akan turut melakukan pencarian secara digital melalui aplikasi *al-Maktaba as-Shāmila* dan *Jawāmi' al-Kalim*. Di samping mengandungi hampir keseluruhan rujukan dalam bidang hadis, aplikasi-aplikasi tersebut juga berfungsi untuk mencari sumber hadis dan menentukan kesahihannya dengan cepat dan mudah. (Mohd Nasir et al., 2021)

Sementara penjelasan status hadis akan dibuat terhadap semua peristiwa sirah dengan berpandukan kepada penilaian oleh ulama hadis yang berautoriti sama ada daripada kalangan *al-Mutaqaddimīn* seperti Abu Zur'ah ar-Rāzi, Abu Ḥatim ar-Rāzi, ad-Dāruqutni atau *al-Mutaakhirīn* seumpama an-Nawawi, Ibnu Kathīr, Ibnu Hajar al-'Asqalānī atau *al-Mu'āṣirīn* semisal al-Albānī, Shu'aib al-Arnā'ūt, Ḍhiyā' ar-Raḥmān al-'Azomī. Adapun, nukilan pandangan ahli sirah terhadap sesuatu peristiwa diambil daripada pandangan ulama sirah yang muktabar sama ada daripada golongan salaf semacam Ibnu Shihāb az-Zuhrī, Ibnu Ishāq, al-Wāqidī mahupun khalaf seperti Ibnu 'Abdil al-Bar, adh-Dhahabī, Muḡhlaṭāi.

Kedua, metode perbandingan ialah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap segala data dan fakta yang diperoleh. Pengkaji menggunakan metode ini untuk membuat kesimpulan.

3. Pengertian Sirah

Secara bahasa, perkataan “sirah” berasal daripada perkataan arab melalui gabungan tiga huruf iaitu: *sīn* (س), *yā'* (ي), dan *rā'* (ر) yang membawa tiga konotasi: Pertama, sirah bermaksud sunnah atau jejak. Kedua, sirah juga bermakna keadaan, sifat, perihal atau *al-hai'*, *aṣ-sifa*, *al-ḥāla*. Ketiga, ia memberi maksud jalan atau *aṭ-ṭarīqa* (Ibnu Fāris, 1979; Ibnu Manẓūr, 1993 & az-Zubaydī, 2001).

Seterusnya, beralih kepada erti daripada sudut istilah. Bertitik tolak daripada perbezaan pengertian secara bahasa di atas tadi, secara tidak langsung ia turut memberi kesan kepada perbezaan takrifan daripada segi istilah menurut ulama yang berlainan spesialisasi. Pertama, berdasarkan maksud yang awal iaitu sunnah atau “jejak”, maka para fuqaha mengambil takrif ini dan menyimpulkan bahawa sirah merupakan sunnah yang sebatas kepada empat bahagian iaitu: percakapan, perlakuan, pengabaian dan pengakuan Rasulullah SAW. Dan melalui empat tunjang ini, terhasillah hukum-hukum seperti wajib, haram, mandub, makruh dan harus.

Adapun definisi daripada segi bahasa yang kedua iaitu sifat, perihal atau *al-hai'*, *aṣ-sifa*. Berlandaskan takrifan ini, ahli hadis menyatakan bahawa pengertian sirah itu bukan terhenti pada hukum-hukum semata-mata bahkan ia merangkumi perihal, sifat, akhlak, ibadat, kelebihan dan mukjizat Rasulullah SAW.

Manakala, bersandarkan pengertian terakhir bagi sirah iaitu jalan atau *aṭ-ṭarīqa*, para sejarawan menyimpulkan bahawa sirah itu adalah perjalanan Rasulullah SAW dalam menyampaikan dakwah kepada umat manusia dengan erti kata lain *al-maghāzī* atau pun segala maklumat berkaitan operasi peperangan dan pengintipan yang dilakukan oleh baginda SAW termasuklah tempat dan waktu peperangan serta perincian tentang orang yang terlibat dalam sesebuah peperangan atau pengintipan itu. Namun begitu, ia tidak terhenti sampai di situ sahaja, bahkan ia turut mencakupi segala peristiwa yang terjadi sejak kelahiran sehingga kewafatan baginda SAW (al-

Asadī, 2020). Berpandukan definisi yang terakhir inilah, pengkaji menyenarai peristiwa-peristiwa sirah yang termuat di dalam buku teks mata pelajaran Sirah tahun satu hingga tiga.

4. Syarat Penerimaan Riwayat Sirah

Antara usaha yang dilakukan oleh para sarjana hadis dalam memelihara hadis-hadis Nabi SAW adalah dengan melakukan kritikan dengan menggunakan neraca penilaian yang mendalam ke atas riwayat-riwayat hadis terutamanya yang berkait dengan akidah dan hukum-hakam sama ada daripada segi sanad mahupun matan bagi memastikan kebenaran sandaran sesebuah hadis kepada Nabi SAW. Namun, apabila melibatkan riwayat-riwayat sirah yang tidak melibatkan akidah dan hukum-hakam seperti lokasi atau waktu sesuatu peristiwa itu berlaku, ahli hadis mengambil pendekatan *at-tasāhul* saat berinteraksi dengan hadis-hadis sebegini (Abd Kadir, & Shamsudin, 2022).

Walaupun begitu, prinsip *at-tasāhul* dalam penerimaan riwayat sirah yang dikemukakan oleh ulama hadis ini tetap diikat dengan disiplin dan kaedah. Secara umumnya, prinsip *at-tasāhul* ini bermaksud tasamuh daripada aspek sanad, iaitu: 1. Menerima perawi yang berstatus *mastūr*, 2. Menerima perawi yang mempunyai kekurangan daripada sudut *ad-dabt*, 3. Menerima hadis yang pada sanadnya *al-'inqiṭā'* di antara perawi-perawi. Sungguhpun demikian, sarjana hadis turut menetapkan syarat bahawa matan hadis berkenaan mestilah melalui proses pengamatan daripada beberapa aspek: 1. Tiada percanggahan dengan hadis yang sahih, 2. Tiada percanggahan dengan usul syariat, 3. Tiada percanggahan dengan fakta sejarah, 4. Melakukan perbandingan antara lafaz-lafaz hadis yang lain bagi mengetahui lafaz yang paling tepat, 5. Melakukan perbandingan antara hadis-hadis lain yang turut diriwayatkan dalam peristiwa yang sama, 6. Penelitian terhadap gaya bahasa sama ada berpadanan atau tidak dengan zaman itu (al-Asadī, 2020). Rumusannya, aspek *at-tasāhul* dimaksudkan bukan bererti tasamuh secara mutlak, namun tertakluk kepada beberapa syarat yang telah digariskan oleh ahli hadis. Juga perlu ditekankan bahawa riwayat yang sahih merupakan tonggak, manakala riwayat yang daif tidak lebih melainkan sebagai penggenap kepada yang sudah pun *thabit*.

5. Hasil Kajian

Berikut adalah jadual bilangan peristiwa-peristiwa sirah yang dimaksudkan berserta *takhrij* dan ulasannya:

Bil.	Teks Hadis	Takhrij dan Ulasan
1	ولد النبي ﷺ بمكة يوم الإثنين، في الثاني عشر من ربيع الأول، عام الفيل.	Takhrij: Hadis yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW lahir di Mekah diriwayatkan oleh at-Ṭabarī, <i>Tahdhib al-Athār</i>, <i>Musnad 'Umar bin al-Khattāb</i>, <i>Dhikru Ma Ḥaḍarnā Dhikruhu Min Dhālik</i>, no. 367. Hujah yang menyebut bahawa baginda SAW lahir pada hari Isnin diriwayatkan oleh Ibnu al-Hajjāj, <i>al-Musnad Aṣ-Ṣaḥīḥ</i>, <i>Kiāb aṣ-Ṣiyām</i>, <i>Bāb Istihbāb Thalāṭa Min Kulli Shahr Wa Ṣaum Yaum 'Arafa Wa 'Āshūrā' Wal al-Ithnayn Wa al-Khamīs</i>, no. 1162. Adapun, hujah kelahiran Nabi SAW pada 12 <i>Rabī' al-Awwal</i> ialah yang diriwayatkan oleh Ibnu Abī Shaiba menerusi <i>Ibnu Kathīr</i>, <i>al-Bidāya Wa an-Nihāya</i>, <i>Kitāb Sirah Rasūlillāh</i>, <i>Bāb Mawlid Rasūlillāh</i>, <i>Tārīkh Wa Makān Wa Wilādatuhu</i>, 3/375. Manakala, dalil kelahiran baginda SAW pada tahun <i>al-Fīl</i> diriwayatkan oleh al-Ḥakīm, <i>al-Mustadrak</i>, <i>Kitāb at-Tawārikh al-Mutaqaddimīn Min al-Anbiyā' Wa al-Mursalīn</i>, <i>Dhikru Akhbār Sayyid al-Mursalīn Wa Khātam an-Nabīyyīn</i>, no. 4223. Ulasan: Kesemua hadis berstatus daif kecuali hadis kelahiran Rasulullah SAW pada hari Isnin. Oleh itu, tidak ada perbezaan pendapat dikalangan para sejarawan tentang kelahiran Nabi SAW pada hari Isnin

		(Ibnu Kathīr, 2003, p. 3/374). Adapun, hadis-hadis yang menetapkan tempat, tahun, bulan dan hari bulan kelahiran Rasulullah SAW tidak terlepas daripada kritikan pada sanadnya, pun begitu majoriti ahli sirah bersetuju bahawa baginda SAW lahir di Mekah pada tahun <i>Al-Fīl</i> , bulan <i>Rabī' Al-Awwal</i> (<i>az-Zurqāni</i> , ١٩٩٦, pp. 1/ 243, 245 & 257).
2	حين يلعب مع أصدقائه، جاء جبريل وهو صغير. قم شق صدره، فاستخرج القلب. ثم غسله بماء زمزم. ثم أعاده إلى مكانه.	Takhrij: Riwayat Ibnu al-Hajjāj, <i>al-Musnad as-Ṣaḥīh, Kitāb al-Īmān, Bāb al-Isrā' Bīrasūlillāh Ilā as-Samā', wa Farḍi as-Ṣalawāt</i> , no. 161. Ulasan: Hadis sahih.
3	مات أبو النبي ﷺ وهو في بطن أمه.	Ulasan: Allah SWT sendiri telah berfirman di dalam al-Quran: ﴿أَمْ يَحْذَرُكَ يَتِيمًا فَآوَىٰ﴾ [Aḍ-Ḍuḥā: 6]
4	مات أم النبي ﷺ وهو في ست سنين.	Takhrij: Riwayat Ibnu Sa'd, <i>aṭ-Ṭabaqāt al-Kubrā, as-Sīra an-Nabawiyya, Dhikru Wafāt Āminah 'Ummi Rasūlillāh</i> , 1/ 94-95. Juga, diriwayatkan oleh Ibnu Ishāq menerusi Ibnu Hishām, <i>Sīrat Rasūlillāh, Wafāt Āmina Wa Ḥālu Rasūlillāh Ma'a Jaddihi 'Abdil al-Muṭṭalib Ba'dahā</i> , 1/ 184-185 Ulasan: Hadis daif. Walaupun begitu, majoriti ulama sirah tetap berpendapat bahawa baginda SAW berusia enam tahun ketika ibunya wafat. (Ibnu Abī Al-'Izz, 2023, p. 64).
5	مات جد النبي ﷺ وهو في ثماني سنين، ثم كَفَلَهُ عَمَّهُ أَبُو طَالِبٍ.	Takhrij: Riwayat Ibnu Ishāq menerusi Ibnu Hishām, <i>Sīrat Rasūlillāh, Wafāt 'Abdil al-Muṭṭalib Wa Mā Ruṭiya Bihi Min as-Shi'ri</i> , 1/185. Juga, diriwayatkan oleh Ibnu Sa'd, <i>aṭ-Ṭabaqāt al-Kubrā, as-Sīra an-Nabawiyyah, Dhikru Ḍammi 'Abdul al-Muṭṭalib Rasūlillāh Ilaihi Ba'da Wafāt Ummihi</i> , 1/ 96-97. Ulasan: <i>Āthār</i> daif. Namun, para sejarawan telah pun bersepakat bahawa Rasulullah SAW dipelihara oleh datuknya, 'Abdul al-Muṭṭalib setelah kematian ibunya, dan dijaga oleh bapa saudaranya, Abū Ṭālib usai pemergian datuknya (At-Talīdī, 2010, p. 9/ 37). Selain itu, ahli sirah berbeza pandangan tentang umur baginda SAW sewaktu kewafatan 'Abdul al-Muṭṭalib dan majoriti daripada mereka berpegang bahawa umur baginda SAW sewaktu itu adalah lapan tahun. (Ibnu Abī al-'Izz, 2023, p. 67).
6	سافر أبو طالب تاجرًا إلى الشام. وكان عمر النبي ﷺ اثني عشر عامًا. فتنبأ بحيرا أَنَّ لَهُ شَأْنًا عَظِيمًا.	Takhrij: Riwayat Ibnu Ishāq menerusi Ibnu Hishām, <i>Sīrat Rasūlillāh, Kafālat Abī Ṭālib Li ar-Rasūlillāh</i> , 1/198-201. Juga diriwayatkan oleh 'Abdurrazzaq as-Son'ānī, <i>al-Muṣonṇaf, Kitāb al-Mağāzi, Bāb Mā Jā'a Fi Ḥaqri Zamzam Wa Qad Dakhala Fi al-Hajj Awwalu Mā Dhukira Min 'Abdil Al-Muṭṭalib</i> , no. ١٠٥٥٣. Turut serta, Ibnu Sa'd, <i>aṭ-Ṭabaqāt al-Kubrā, as-Sīra An-Nabawiyya, Dhikru Abī Ṭālib Wa Ḍammihi Rasūlillāh Ilaihi Wa Khurūjihi Ma'ahu Ilā as-Shām Fī Al-Marra al-'Ūlā</i> , 1/ ٩٩. Ulasan: Hadis mursal. Berkenaan dengan waktu

	baginda SAW ke as-Shām, majoriti sejarawan berpendapat bahawa baginda SAW berusia 12 tahun pada saat itu (az-Zurqāni, 1996, p. 1/ 362). Meskipun wujudnya kritikan daripada sebahagian sarjana seperti ad-Dimyātī, adh-dhahabī, al-Muḡlatāi dan selainnya terhadap riwayat ini yang berpunca daripada sebahagian lafaznya yang mempunyai nakāra walaupun hakikatnya ia berpangkal daripada kekeliruan sebahagian perawi hadis pada sebahagian riwayat sahaja sebagaimana yang didapati dalam riwayat Ibnu Abī Shaibah dalam <i>al-Muṣonnaf</i>, At-Tirmidhī dalam <i>al-Jāmi'</i>, al-Ḥakim dalam <i>al-Mustadrak</i> dan selainnya. Adapun, ahli sirah yang lain seumpama Ibnu Ishāq, 'Abdurrazzaq as-Son'ānī dan Ibnu Sa'd, mereka turut meriwayatkan kisah yang sama tetapi tanpa lafaz yang <i>munkar</i>. Kesimpulannya, ahli sirah telah pun bersepakat bahawa Rasulullah memang pernah bermusafir ke <i>as-Shām</i> berdasarkan jalur riwayat yang pelbagai meskipun bermasalah (Al-A'zomī, 2019, p. 11/321).
7	كان أبو طالب قليلاً في المال. فساعد النبي ﷺ أبا طالب في رعي الغنم. Takhrij: Riwayat Al-Bukhārī, <i>al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ</i>, <i>Kitāb al-Ijārah</i>, <i>Bāb Ra'yi al-Ġanam 'Alā Qarārīṭ</i>, no. 2143. Adapun perihal kafakiran Abū Ṭālib diriwayatkan oleh Ibnu Sa'd, <i>aṭ-Ṭabaqāt al-Kubrā</i>, <i>as-Sīra an-Nabawiyya</i>, <i>Dhikru Abī Ṭālib Wa Ḍammihī Rasūlallāh Ilaihi Wa Khurūjihi Ma'ahu Ilā as-Shām Fī al-Marra al-'Ulā</i>, 1/ 98. Ulasan: Hadis sahih. Namun, riwayat darihal kafakiran Abū Ṭālib berstatus daif.
8	تزوج رسول الله ﷺ بخديجة بنت خويلد وهو شاب. عمره خمسة وعشرون عاماً. وعمر خديجة أربعون عاماً. Takhrij: Riwayat Ibnu Sa'd, <i>aṭ-Ṭabaqāt al-Kubrā</i>, <i>an-Nisā'</i>, <i>Tarājim an-Nisā' Bī Baiti ar-Rasūl</i>, <i>Dhikru Khadījah</i>, 10/ 18. Ulasan: Hadis daif. Pun begitu, majoriti ahli Sejarah turut berpandangan bahawa Rasulullah SAW berumur 25 tahun dan Khadījah berusia 40 tahun semasa mereka berkahwin. (Ibnu Abī al-'Izz, 2023, pp. 75-76).
9	وولد منهما القاسم، وعبد الله، وزينب، ورقية، وأم كلثوم، وفاطمة. Takhrij: Dalil bahawa Rasulullah SAW mempunyai anak bernama al-Qāsim diriwayatkan oleh Ibn Ḥanbal, <i>al-Musnad</i>, <i>Musnad 'Abdillāh bin 'Amr bin al-'Āṣ</i>, <i>Ḥadīṭ Abī Rimṭah 'An an-Nabī</i>, no. 9598. Hujah kewujudan anak yang bernama 'Abdullāh pula diriwayatkan oleh Ibnu Sa'd, <i>aṭ-Ṭabaqāt al-Kubrā</i>, <i>as-Sīra an-Nabawiyya</i>, <i>Dhikru Awlād Rasūlillāh Wa Tasmiyatihim</i>, 1/ 110-111. Hadis yang menunjukkan adanya anak baginda SAW Bernama Zainab ialah riwayat al-Bukhārī, <i>Al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ</i>, <i>Abwab Sutrāh al-Muṣollī</i>, <i>Bāb Idhā Ḥamala Jāriyyatan Ṣaḡiratan 'Alā 'Unuqi Fi as-Ṣolā</i>, no. 494. Khabar tentang Ruqayyah pula diriwayatkan oleh Ibn Ḥanbal, <i>al-Musnad</i>, <i>Musnad al-'Ashrah al-Mubasshirin Bī al-Jannah</i>, <i>Musnad al-Khulafā' ar-Rāshidīn</i>, <i>Musnad 'Uṭmān bin 'Affān</i>, no. 490. Dalil berkaitan Ummu Kaltūm pula diriwayatkan oleh al-Bukhārī, <i>al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ</i>, <i>Kitāb al-Libās</i>,

Bāb Ḥarīr an-Nisā', no. 5504. Manakala riwayat tentang Fāṭimah turut disebutkan dalam hadis riwayat al-Bukhārī, *al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ, Kitāb al-Maḡāzi, Bāb Mā Asōba an-Nabī Min al-Jirāḥ Yawma 'Uḥud*, no. 3847.

Ulasan: Kesemua hadis yang memberitakan tentang anak-anak Rasulullah SAW berstatus sahih kecuali hadis berkaitan 'Abdullāh dan Ruqayya. Walau bagaimanapun, para sarjana Islam telah bersepakat bahawa baginda SAW memiliki empat anak perempuan dan tiga anak lelaki serta hal ini telah dianggap sebagai *mutawātir ma'nawī* (Ibnu Taymiyya, 1999, p. 6/ 373).

- جددت قريش بناء الكعبة في الخامسة والثلاثين من
 عمر رسول الله ﷺ. وقد اشترك معهم النبي ﷺ في
 بناء الكعبة. وكان ﷺ يحمل الحجارة مع أشرف 10
 قريش، ومعه عمه العباس بن عبد المطلب.

Takhrij: Riwayat al-Bukhārī, *al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ, Kitāb Faḍāil as-Ṣaḥāba, Bāb Bunyān al-Ka'ba*, no. 3617. Adapun soal usia baginda SAW 35 tahun sewaktu pembinaan kaabah telah dinyatakan dalam sebuah *athar* yang diriwayatkan oleh 'Abdurrazzaq as-Son'ānī, *al-Muṣonnaf, Kitāb al-Manāsik, Bāb Bunyān al-Ka'ba*, no. 9430.

Ulasan: Hadis dan *athar* sahih.

- اختلفت قريش فيمن يضع الحجر الأسود مكانه. ثم
 اتفقوا على أن يكون الحكم أول داخل في المسجد.
 فكان أول داخل هو رسول الله ﷺ، ففرحت قريش
 به، ورضوا به لأمانته. فوضع الحجر في رداء، وطلب 11
 من كل رئيس أن يمسك بطرف من الرداء، ثم أمرهم
 برفعه. فلما وصلوا به إلى موضعه أخذه رسول الله
 ﷺ بيده، ووضع بيده الشريفة.

Takhrij: Riwayat Ibn Ḥanbal, *al-Musnad*, Hadis as-Sāib bin Abdillāh, no. 15504.

Ulasan: Hadis sahih.

- حينما قارب الأربعين من عمره، أحب النبي ﷺ
 الابتعاد عن الناس والعبادة. وقد اختار لعبادته غار
 حراء، وهو جبل على طريق مكة. وكان يأخذ معه
 زاده، وإذا فرغ رجع إلى زوجته السيدة خديجة،
 فيأخذ غيره. وكان يتعبد على دين جدّه إبراهيم، من
 عشرة أيام إلى شهر. لما بلغ النبي ﷺ الأربعين من 12
 عمره بعثه الله نبياً ورسولاً. نزل جبريل بالوحي على
 النبي وهو يتعبد في غار حراء. فقال له جبريل:
 "اقرأ". فقال له النبي «ما أنا بقارئ». كرّر جبريل
 ذلك ثلاث مرات. ثم تلا قول الله تعالى: ﴿اقْرَأْ
 بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝

Takhrij: Riwayat al-Bukhārī, *al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ Kitāb Bad'i al-Wahy, Bāb Kaifa Kāna Bad'i al-Wahy Ilā Rasūlillāh*, no. 3.

Ulasan: Hadis sahih.

أَفَرَأَىٰ وَرَبُّكَ الْأَكْثَرُ ۚ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۚ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝ [العلق: ٥-١]. بعد أن تركه جبريل رجع النبي ﷺ إلى بيته في شدة الخوف. وهو يقول لزوجته: «زملوني... زملوني». فزملوه حتى ذهب عنه الروع. فروى لها ما حدث. فقال لخديجة: «لقد خشيت على نفسي». فقالت خديجة للنبي ﷺ: "كلاً والله لا يخزيك الله أبداً". ذهبت خديجة مع النبي إلى ورقة بن نوفل وكان شيخاً كبيراً قد عمي وعرف الإنجيل. قال له ورقة: "يا ابن أخي ما ترى؟" فأخبره رسول الله ﷺ خبر ما رأى. فقال له ورقة: هذا الناموس (جبريل أو الوحي) الذي نزل على موسى عليه السلام. يا ليتني شاباً قويّاً، ليتني أكون حياً إذ يخرجك قومك.

13

وأبطأ الوحي عن رسول الله ﷺ ولم يعد جبريل يأتيه بالوحي أَيْاماً وأصابه حزن شديد. وصل رسول الله ﷺ إلى بيته، فأتى خديجة فقال: ... زملوني... زملوني... دثروني... ثم نزل عليه الوحي: ﴿يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ ۖ قُمْ فَأَنْذِرْ ۚ وَرَبُّكَ فَكَبِيرٌ ۝ وَتِبْيَاتَكَ فَطَهَّرْ ۚ وَالرُّجْزَ فَاهْجُرْ ۝ وَلَا تَمْنُنْ تَسْتَكْبِرُ ۖ وَلِرَبِّكَ فَاصْبِرْ ۝﴾ [المدثر: ٧-١].

Takhrij: Riwayat al-Bukhārī, *al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ Kitāb Bad'i al-Waḥy, Bāb Kaifa Kāna Bad'i al-Waḥy Ilā Rasūlillāh*, no. 4. Manakala, kisah kesedihan baginda Rasulullah SAW sewaktu terhentinya wahyu usai wahyu yang pertama diturunkan turut diriwayatkan secara mursal oleh al-Bukhārī, *al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ Kitāb at-Ta'būr, Bāb Awwalu Ma Budia Bihi Rasūlullāh Min al-Waḥy ar-Ru'yā aṣ-Ṣoliḥa*, no. 6581.

Ulasan: Hadis yang menyatakan terputusnya wahyu untuk seketika setelah turunnya wahyu pertama, kemudian turun pula wahyu kedua iaitu surah *al-Muddathir* ayat 1-7 berstatus sahih. Sekalipun demikian, riwayat yang menyebut bahawa Rasulullah SAW berasa teramat sedih semasa terhentinya wahyu itu berstatus daif selain daripada matannya yang *munkar*.

إن أول من آمن من النساء هي خديجة بنت خويلد ومن الرجال هو أبو بكر الصديق.

14

Takhrij: Riwayat al-Bukhārī, *al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ Kitāb Bad'i al-Waḥy, Bāb Kaifa Kāna Bad'i al-Waḥy Ilā Rasūlillāh*, no. 3. Sementara itu, hadis keislaman Abū Bakr diriwayatkan oleh al-Bukhārī, *al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ, Kitāb Faḍāil as-Ṣaḥāba, Bāb Islām Abī Bakr aṣ-Ṣiddīq*, no. 3644.

Ulasan: Kedua-dua hadis bertaraf sahih. Oleh kerana terdapat pelbagai riwayat yang bercanggah tentang siapakah yang lebih awal memeluk Islam, maka sebahagian salaf seperti Abū Ḥanīfah dan Ishāq bin Rāhūyah mengambil pendekatan dengan mengharmonikan antara kesemua riwayat itu dan menyimpulkan bahawa Khadijah merupakan wanita pertama yang beriman, manakala Abū Bakr ialah

	lelaki pertama yang beriman (Ibnu Kathīr, 1997, p. 4/ 73 & <i>at-Ta'labī</i> , ۲۰۱۵, p. 14/ 21).
15	بدأ النبي ﷺ بالدعوة سرًّا لَمَّا نزل عليه سورة المدثر: ۷-۱. وكان ذلك في سرِّيَّة تامَّة دون الجهر بما لمدة ثلاث سنوات كاملة. Takhrij: Riwayat Ibnu Sa'd, <i>at-Ṭabaqāt a-Kubrā, as-Sīra an-Nabawiyya, Dhikru Du'ā' Rasūlillāh, Qabāil al-'Arab Fī al-Mawāsīm</i>, 1/ 184. Ulasan: Penentuan jangka waktu dakwah secara sembunyi selama tiga tahun telah diriwayatkan dalam beberapa āthar daripada 'Abdullāh bin Ka'b bin Mālik, az-Zuhrī dan selainnya. Walaupun kesemua sanadnya bermasalah, namun āthar ini telah pun diterima pakai oleh majoriti sarjana sirah (Ibnu Abī Al-'Izz, 2023, p. 107).
16	قال ابن مسعود: ما زال رسول الله ﷺ مستخفياً حتى نزلت: ﴿فَاصْدَعْ بِمَا تُؤْمَرُ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ ٩٤﴾ [الحجر: ٩٤] Takhrij: al-Ṭabarī, <i>Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl āy al-Qur'ān</i>, 14/ 143. Ulasan: Athar daif. Hakikatnya, athar ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarī secara mursal kepada 'Abdullāh bin 'Ubaidah, akan tetapi Ibnu Kathīr menyandarkannya kepada 'Abdullāh bin Mas'ūd (Ibnu Kathīr, 2017, p. 8/ 268). Meskipun demikian, majoriti ahli tafsir berpandangan bahawa ayat ini bermaksud seruan kepada Nabi SAW agar berdakwah secara terang-terangan sebagaimana yang disebut oleh Ibnu Mas'ūd (ash-Shawkāni, 1993, p. 3/ 173.).
17	أول من آمن به من الصبيان علي بن أبي طالب بن عبد المطلب. Takhrij: Riwayat Ibnu Ishāq menerusi Ibnu Ḥishām, <i>Sīrat Rasūlillāh, Dhikru Ann 'Alī Bin Abī Ṭālib Awwalu Dhakarīn Aslama</i>, 1/284-285. Ulasan: Hadis mursal. Pun begitu ia telah masyhur di sisi sejarawan Islam. 'Alī Bin Abī Ṭālib merupakan kanak-kanak pertama yang beriman. (Ibnu Kathīr, 1997, p. 4/ 73 & <i>at-Ta'labī</i>, 2015, p. 14/ 21).
18	بدأ الرسول بتنفيذ أمر الله بأن صعد على الصفا ويدعو الناس إلى الإسلام جهراً. فقال له عمه أبو لهب: تَبَّأ لك يا محمد ألهذا جمعنا فأنزل الله في حقّه سورة اللمب: ﴿تَبَّتْ يَدَا أَبِي لَهَبٍ وَتَبَّ ١﴾ [المسد: ١] Takhrij: Riwayat al-Bukhārī, <i>al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ, Kitāb at-Tafsīr</i>; Bāb: ﴿وَأَنْذِرْ عَشِيرَتَكَ الْأَقْرَبِينَ ٢١٤﴾, no. 4492. Ulasan: Hadis sahih.
19	يرمي أبو لهب القذرة على باب بيت رسول الله وزوجته أم جميل فكانت كثيراً ما تسب الرسول. Takhrij: Kisah Abū Lahab diriwayatkan oleh Ibnu Sa'd, <i>at-Ṭabaqāt al-Kubrā, as-Sīra an-Nabawiyya, Dhikru Du'ā' Rasūlillāh Ilā an-Nās Ilā al-Islām</i>, 1/171. Manakala, kisah Ummu Jamīl diriwayatkan oleh al-Bukhārī, <i>al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ, Kitāb at-Tafsīr</i>; Bāb <i>Tafsīr Sūrah: ﴿وَالْضُّحَى ١﴾</i>, no. 4667. Ulasan: Hadis berkaitan perlakuan Abū Lahab daif. Manakala, hadis tentang Ummu Jamīl sahih. Terdapat hadis sahih yang lain yang mengkhabarkan kejahatan Abū Lahab terdapat Nabi SAW dan ia boleh dijadikan sebagai ganti (Ibnu Abī Shaibah, 1997, p. 2/ 322)

فلما عاب الرسول ﷺ آهتهم أجمع قريش خلافه وعداوته. وتبدل حب قريش للنبي بغضًا وقرهم له بعدًا وصدقه كذبًا وعمله هزؤًا. ولكن عمه ﷺ أبا طالب ليس كمثلهم بل دافعه ومنعه. ولقد ساروا إلى عمه وطلبوا منه أن يمنع الرسول عن سب آهتهم وتضليل آبائهم. فردهم ردًا جميلاً، والرسول مستمر في نشر الدين وإعلاء كلمة الحق.	Takhrij: Riwayat al-Bazzār, <i>al-Baḥr az-Zakhār, Musnad 'Aqīl bin Abī Ṭālib, Mūsā bin Ṭalḥah 'An 'Aqīl</i>, no. 2170. Ulasan: Hadis daif. Tidak ada hadis sahih yang mengkhabarkan secara terperinci soal musyrikān Mekah menuntut agar Nabi SAW menamatkan celaan terhadap tuhan-tuhan mereka dengan membuat aduan kepada Abū Ṭālib walakin Abū Ṭālib tetap mempertahankan anak saudaranya. Pun begitu, peristiwa ini telah masyhur dikalangan para sejarawan bahkan ia dianggap sebagai <i>mutawātir ma'nawī</i>. (at-Taḥḍīr, 2010, p. 9/ 83)
وطلبوا منه ﷺ أن يعبد آهتهم، ويعبدوا إلهه، فأنزل الله عليه سورة الكافرون.	Takhrij: Riwayat al-Ṭabarī, <i>Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl āy al-Qur'ān, Sūra Al-Kāfirūn, al-Qaulu Fī Ta'wīl Qaulihi Ta'ālā</i>: ﴿قُلْ يَأَيُّهَا الْكَافِرُونَ﴾, 24/ 703. Ulasan: Hadis daif. Walhasil, tiada sabāb an-nuzūl yang sahih bagi surah <i>Al-Kāfirūn</i>.
أسلم حمزة بن عبد المطلب في أواخر السنة السادسة من النبوة. وهو عم الرسول وأخوه من الرضاعة. إنَّ أبا جهل اعترض الرسول ﷺ عند جبل الصفا، وكان سببًا لإسلام حمزة.	Takhrij: Riwayat Ibnu Ishāq menerusi Ibnu Hishām, <i>Sīrat Rasūlillāh, Islām Ḥamza 'Ammi an-Nabī</i>, 1/337-338. Manakala, hadis yang menyatakan bahawa beliau memeluk Islam pada tahun keenam kenabian diriwayatkan oleh Ibnu Sa'd, <i>aṭ-Ṭabaqāt al-Kubrā, aṣ-Ṣaḥāba, Ḥamzah bin 'Abdīl Al-Muṭṭalib</i>, 3/ 8. Ulasan: Hadis mursal. Kendatipun, kesemua sanad hadis yang memperincikan peristiwa keislaman Ḥamzah bermasalah, namun para ulama telah bersepakat akan keislaman beliau (Ibnu 'Abdīl Bar, 1992, p. 1/ 371). Adapun, tentang waktu keislaman beliau, majoriti sejarawan menyatakan pada tahun kedua kenabian (Ibnu Abī al-'Izz, 2023, pp. 115-116).
دعا الرسول ﷺ لعمر بن الخطاب: «اللهم اعز الدين بعمر»	Takhrij: Riwayat Ibnu Sa'd, <i>aṭ-Ṭabaqāt al-Kubrā, aṣ-Ṣaḥāba, 'Umar Bin al-Khattāb</i>, 3/ 247. Ulasan: Hadis daif. Apabila diteliti kesemua sanad hadis doa Rasulullah kepada 'Umar agar beliau beriman, ternyata ia tidak sunyi daripada kecacatan. Namun, terdapat <i>athar</i> yang sahih daripada Ibnu Mas'ūd yang membawa makna yang hampir sama untuk dijadikan sebagai ganti (al-Bukhārī, 1993, p. 3/ 1403).
وكان إسلام عمر في دار الأرقام. طلب عمر من رسول الله ﷺ أن يعلن صلاته في المسجد ففعل.	Takhrij: Kisah keislaman 'Umar bin al-Khattāb diriwayatkan Ibnu Ishāq menerusi Ibnu Hishām, <i>Sīrat Rasūlillāh, Islām 'Umar bin al-Khattāb</i>, 1/ 408. Juga, Ibnu Sa'd, <i>aṭ-Ṭabaqāt al-Kubrā, aṣ-Ṣaḥāba, Islām 'Umar bin al-Khattāb</i>, 3/ 249. Ulasan: Hadis daif. Di samping itu, pengkaji tidak menemui riwayat yang menyebut bahawa 'Umar memohon izin kepada baginda Rasulullah SAW untuk menunaikan solat secara terang-terangan di masjid. Adapun riwayat yang menceritakan bahawa 'Umar menyiarkan keislamannya di pintu masjid al-Haram

		juga berstatus daif (Ibnu Hishām 2023, pp. 1/ 414-415). Hakikatnya, kisah keislaman 'Umar ini boleh diganti dengan hadis sahih yang lain yang menceritakan sebab keislaman 'Umar dan kejadian yang berlaku sewaktu beliau mengumumkan keislamannya (al-Bukhārī, 1993, p. 1403).
25	فدعاهم الرسول ﷺ للخروج إلى أرض الحبشة مادحاً ملكها النجاشي بأنه ملك لا يظلم عنده أحد فخرج عدد من المسلمين.	Takhrij: Riwayat Bayhaqī, <i>Dalā'il An-Nubuwwah Wa Ma'rifah Ahwāl Sōhib As-Sharī'a, Jummā' Abwāb Al-Mab'ath, Bāb al-Hijrah al-'Ūlā Ila al-Ḥabasha Thumma at-Thaniyah</i> , 2/301-304. Ulasan: Hadis daif. Terdapat hadis sahih yang lain yang menceritakan peristiwa hijrah ke al-Ḥabasha yang boleh dijadikan sebagai ganti (Ibn Ḥanbal, 2001, pp. 3/ 263-270).
26	كانت الهجرة الأولى إلى الحبشة في رجب من العام الخامس بعد البعثة، هاجر أول فوج من الصحابة إليها. كان مكوثاً من عشرة رجال وخمس نسوة. الهجرة الثانية، وكانوا ثلاثة وثمانين رجلاً وثمان عشرة امرأة، على رأسهم جعفر بن أبي طالب.	Takhrij: Riwayat Ibnu Ishāq menerusi Ibnu Hishām, <i>Sīrat Rasūlillāh, Dhikru al-Muhājirah al-'Ūlā Ila Arḍi al-Ḥabasha</i> , 1/ 380-391. Juga diriwayatkan oleh at-Ṭabrānī, al-Mu'jam al-Kabīr, Bāb al-'Ain, Nisba Uthmān bin Maz'ūn, no. 8316. Ulasan: Hadis mursal. Biarpun kesemua hadis yang menyebut jumlah keseluruhan kaum muslimin yang menyertai hijrah berstatus daif, namun ahli sirah tetap menerima riwayat ini (Ibnu Abī al-'Izz, 2023, p. 114).
27	دعا الصحابي جابر رسول الله ﷺ أيام غزوة الأحزاب إلى طعام قليل في بيته. فأبى رسول الله ﷺ - مع شدة جوعه - أن يذهب بمفرده، ولكن اصطحب معه أصحابه. وكانت معجزةً أُطعم فيها الجميع، وما رضي أن يشبع وأصحابه جائعون.	Takhrij: Riwayat Al-Bukhārī, <i>al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ, Kitāb al-Maḡāzī, Bāb Ḡazwah al-Khandaq Wa Hiya Al-Aḥzāb</i> , no. 3876). Ulasan: Hadis sahih.
28	في العام العشر من البعثة، توفي عمه أبو طالب، ثم توفيت زوجته سيدتنا خديجة بنت خويلد، فاشتدّ إيذاء قريش عليه ﷺ، فانغلق معظم أبوابه دعوته. لذا سُمّي هذا العام بعام الحزن.	Takhrij: Hadis kewafatan Khadījah pada tahun ke-10 kenabian telah diriwayatkan secara mursal oleh Al-Bukhārī, <i>al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ, Kitāb Faḍā'il as-Ṣaḥāba, Bāb Tazwīj an-Nabī 'Āishah</i> , no. 3683). Manakala <i>athar</i> yang menyebut bahawa Abu Ṭālib terlebih dahulu wafat sebelum Khadījah diriwayatkan oleh al-Bayhaqī, <i>Dalā'il an-Nubuwwah Wa Ma'rifat Ahwāl Sōhib as-Sharī'a, Jummā' Abwāb al-Mab'ath, Bāb Wafāh Khadījah binti Khuwailid Zawj Rasūlillāh</i> , 2/352-353. Ulasan: Hadis dan <i>athar</i> daif. Bahkan hadis daif itu telah bercanggah dengan hadis sahih yang menerangkan bahawa Khadījah wafat tiga tahun sebelum Nabi SAW tinggal bersama 'Āishah pada tahun kedua hijrah bersamaan dengan tahun ke-15 kenabian (al-Bukhārī, 1993, p. 5/ 2237). Rentetan daripada itu, tahun ke-12 kenabian merupakan tahun kewafatan Khadījah dan Abu Ṭālib (al-Bannā, n.d., p. 16/159). Adapun soal adakah Abu Ṭālib dan Khadījah wafat pada tahun yang sama, cendekiawan sirah sudah pun bersepakat bahawa mereka memang wafat pada

		tahun yang sama. Tentang siapakah yang meninggal dunia terlebih dahulu, maka majoriti ahli sirah berpendapat bahawa Abu Ṭālib dahulu lalu disusuli dengan Khadījah walaupun <i>athar</i> -nya daif (Ibnu Abī al-'Izz, 2023, 120). Berkenaan penamaan tahun tersebut sebagai ' <i>Am Al-Ḥuzn</i> (Tahun Kesedihan), ia tidak mempunyai sebarang sandaran (al-Albānī, n.d., pp. 18-19).
29	ذهب النبي ﷺ يريد لأهل الطائف الخير. ولكنهم رفضوا وأساءوا إليه. فبعث الله ملك الجبال ليهلكهم. ورفض النبي الكريم ﷺ ذلك. بل يدعوهم بالهداية.	Takhrij: Riwayat al-Bukhārī, al-Jāmi' al-Musnad aṣ-Ṣaḥīḥ, <i>Kitāb Bad'i Al-Khalq, Bāb Idhā Qāla Aḥadukum Āmīn Wal Malāikah Fī as-Samā' Fawāfaqat Iḥdāhuma al-Ukhrā Gufira Lahu Mā Taqaddama Min Dhanbih</i> , no. 3059.
		Ulasan: Hadis sahih.
30	مع كل محنة، فجاءت إليه ﷺ معجزة الإسراء والمعراج، تكريماً من الله له.	Ulasan: Allah SWT sudah pun berfirman di dalam al-Quran: ﴿سُبْحَنَ الَّذِي أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِ ۚ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ ۚ لِنُرِيَهُ ۚ مِنْ ءَايَاتِنَا ۚ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ﴾ [Al-Isrā': 1]
31	خرج النبي ﷺ من مكة إلى المدينة سنة ٦٢٢م. وقعت الهجرة عام أربعة عشر بعد النبوة.	Takhrij: Riwayat al-Bukhārī, al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ, <i>Kitāb Faḍāil aṣ-Ṣoḥāba, Hijrah An-Nabī Wa Aṣḥābihi Ilā al-Madīna</i> , no. 36 ^{٨٩}).
		Ulasan: Tepat (al-Mubarakfurī, n.d., p. 148).
32	اجتمع زعماء قريش في دار يتشاورون ما يصنعون في أمر النبي ﷺ. حضر الاجتماع زعماء قريش وإبليس واتفقوا على قتل النبي. وقد لاقى هذا الرأي قبولاً عند المجتمعين وأيده إبليس. كان أصحاب هذا الرأي أبا جهل بن هشام. ويختار من إحدى عشر قبيلة شاباً قوياً لقتل النبي. خرج النبي ﷺ من بيته ليلاً وهو يتلو: ﴿وَجَعَلْنَا مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا وَمِنْ خَلْفِهِمْ سَدًّا فَأَغْشَيْنَاهُمْ فَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ﴾ [يس: ٩]. أمر النبي ابن عمه علياً بالنوم على فراشه. خرج النبي مع صاحبه أبي بكر، وقد أقاما في الغار ثلاث ليال من ليلة الجمعة إلى ليلة الأحد.	Takhrij: Riwayat Ibnu Ishāq menerusi Ibnu Ḥishām, <i>Sīrat Rasūlillāh, Hijrat Rasūlillāh</i> , 2/113-120.
		Ulasan: Hadis daif. Terdapat hadis sahih yang lain yang turut menceritakan peristiwa hijrah Rasulullah SAW bersama Abu Bakar ke Madinah dan boleh dijadikan sebagai ganti (al-Bukhārī, 1993, pp. 3/ 1417).
33	يشعر أبو بكر بأشد حالات الخوف والقلق حينما يقترب من الأعداء بالغار ثم يقول النبي ﷺ لصاحبه مطمئناً له: «لَا تَحْزَنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا ۚ» [التوبة: ٤٠]. في هذه الأحداث قام عامر بن فهيرة	Takhrij: Riwayat al-Bukhārī, al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ, <i>Bāb Manāqib al-Muḥājirīn Faḍluhum</i> , no. 3453). Kisah 'Amir bin Fuhairah dan Asmā' binti Abī Bakr pula diriwayatkan oleh al-Bukhārī, al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ, <i>Kitāb Faḍāil aṣ-Ṣoḥāba, Hijrat an-Nabī Wa Aṣḥābihi Ilā al-Madīna</i> , no. 3692
		Ulasan: Hadis sahih.

مولى أبي بكر بمعاونة النبي وأسماء بنت أبي بكر
 بدور الإمداد لهذه العملية.

- 34 أول مسجد بناه النبي ﷺ مسجد قباء في المدينة المنورة.
Takhrij: al-Bukhārī, *al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ*, *Faḍāil as-Ṣoḥāba*, *Bāb Hijrat an-Nabī Wa Aṣḥābuhu Ila al-Madīna*, no. 3694).

Ulasan: Hadis sahih.

- 35 بنى النبي ﷺ المسجد النبوي في المدينة. اشترى النبي قطعة من الأرض لبناء المسجد النبوي من يثيمين هما سهل وسهيل. بنى النبي المسجد في أول مَبْرَك إبل النبي عند قدومه في المدينة. بنى النبي بيته بجانب المسجد.
Takhrij: al-Bukhārī, *al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ*, *Abwāb al-Masājid*, *Bāb Hal Tunbashu Qubūru Mushrikī al-Jāhiliyya Wa Yuttaḥḥadhu Makānuhā Masājid*, no. ٤١٨).
Ulasan: Hadis sahih. Dan apabila masjid mula dibina, maka Rasulullah SAW turut sama membina rumah untuknya (Al-A'zomī, 2019, p. 11/548).

- 36 أخى النبي ﷺ بين أصحابه من المهاجرين والأنصار.
Takhrij: al-Bukhārī, *al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ*, *Abwāb al-Masājid*, *Kitāb al-Kafāla*, *Bāb Qaulu Allāh Ta'āla:* ﴿وَالَّذِينَ عَقَدَتْ أَيْمَنُكُمْ فَأَتَوْهُمْ نَصِيحُهُمْ﴾ (٢١٧٠).
Ulasan: Hadis sahih.

- 37 قام النبي ﷺ بتشريع وثيقة المدينة في سنة ٦٢٢ م.
Takhrij: Ibnu al-Ḥajjāj, *al-Musnad aṣ-Ṣaḥīḥ*, *Kitāb al-Itq*, *Bāb Tahrīm Tawallī al-'Atiq Ġairā Mawālīh*, no. 1507
Ulasan: Tepat (al-Mubarakfurī, n.d., pp. 124-128).

6. Kesimpulan

Daripada dapatan kajian dalam aspek penulisan hadis, pengarang buku teks tidak menyebut sebarang sumber ambilan hadis, juga tidak menyatakan status sesuatu hadis. Hal ini menunjukkan bahawa penulisan hadis di dalam buku teks mata pelajaran Sirah tahun satu hingga tiga tidak menepati Garis Panduan Penulisan dan Penerbitan Teks Hadīth yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Daripada aspek autentikasi hadis pula, terdapat dua peristiwa yang mana pengkaji tidak menemui mana-mana hadis atau *athār* yang menyokongnya iaitu peristiwa penamaan tahun kewafatan Abu Ṭālib dan Khadījah sebagai 'Ām Al-Ḥuzn, juga peristiwa yang menceritakan bahawa 'Umar memohon izin kepada baginda Rasulullah SAW untuk menunaikan solat secara terang-terangan di masjid usai beliau memeluk Islam. Di samping itu, setelah penelitian terhadap 37 peristiwa yang terkandung di dalam buku teks mata pelajaran Sirah tahun satu hingga tiga ini, pengkaji mendapati bahawa ia bukanlah bersumber daripada 37 hadis hadis atau *athar* semata-mata, bahkan jumlahnya lebih banyak daripada itu. Hasil daripada penelusuran pengkaji terhadap kitab-kitab ilmiah, terdapat 56 hadis atau *āthar* dan dua ayat Quran yang mewakili keseluruhan 37 peristiwa ini. Berikut adalah perincian autentikasi sumber-sumber sirah berkenaan dalam bentuk jadual:

Bil.	Sumber	Kategori	
		Sahih	Daif
1	Hadis/ <i>Āthar</i>	25	31
2	Ayat al-Quran	2	
Total		58	

Pengkaji mendapati sebanyak 25 hadis atau *āthār* telah diakui autentik berdasarkan penilaian sarjana hadis. Walau bagaimanapun, terdapat 31 hadis atau *āthār* yang berada dalam kategori daif, namun ia bukanlah bermaksud kesemuanya perlu ditolak dan ditinggalkan. Hal ini kerana ada sebahagian riwayat diterima pakai oleh cendekiawan sirah disebabkan tiada riwayat yang sahih dalam bab tersebut dan matan-matan hadis daif itu pula tidak mengadungi *nakāra*, manakala sebahagian yang lain ditolak serta ditinggalkan kerana terdapat *nakāra* pada matannya atau telah wujud hadis sahih dalam peristiwa tersebut. Berikut adalah perincian tentang hadis atau *āthār* yang daif:

Bil	Sumber	Kategori	Jumlah
1	Hadis/ <i>Āthar</i> (Daif)	Diterima Pakai (Makbul)	20
		Ditolak (Mardud)	11
Total			31

Jadual ini pula menunjukkan terdapat 31 hadis yang daif, 20 daripadanya makbul di sisi ahli sirah. Manakala, baki 11 hadis lagi bertaraf mardud. Namun, daripada 11 hadis yang mardud tadi, pengkaji telah menemui hadis-hadis sahih yang boleh dijadikan ganti kepada enam hadis daripada 11. Kesimpulannya, majoriti hadis atau ayat al-Quran yang terkandung di dalam buku teks mata pelajaran Sirah SRIDI tahun satu hingga tiga masih lagi dalam lingkungan makbul iaitu sebanyak 20 hadis sahih dan 20 hadis daif yang diterima pakai oleh ahli sirah serta dua ayat al-Quran yang mewakili 81%, manakala nisbah hadis daif yang mardud pula ialah 11 hadis yang mewakili 19%.

Kesimpulannya, buku teks mata pelajaran Sirah SRIDI tahun satu hingga tiga adalah sebuah silibus yang amat sesuai diajar kepada murid-murid sekolah kerana majoriti faktanya bersumberkan hadis-hadis yang sahih namun ia masih perlu kepada penambahbaikan daripada segi metodologi penulisan hadis agar sejajar dengan Garis Panduan Penulisan dan Penerbitan Teks Hadīth dan mutu serta kualiti hadis yang digunakan juga hendaklah sentiasa dijaga bagi mengekang penyebaran hadis-hadis mardud dalam penerbitan kerana dibimbangi boleh membawa kepada penyelewangan akidah, menjejaskan keharmonian dan ketenteraman awam serta perpaduan negara.

Rujukan

al-Qur'ān al-Karīm

Ahmad Sunawari Long. (2009). Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.

al-Albānī, Muḥammad Nāṣir ad-Dīn. (D. Ṭ). Difā' 'An al-Ḥadīth an-Nabawī Wa aṣ-Ṣīra. (D. Ṭ).

al-Asadī, Aḥmad bin Ghānim. (2020). al-Madkhal Ilā 'Ilm as-Sīrat an-Nabawīyya. (1st eds.). ad-Dammām: Dār Ibn al-Jauzī

al-A'ẓomī, Muḥammad 'Abdullāh. (2019). al-Jāmi' al-Kāmil Fī al-Ḥadīth aṣ-Ṣaḥīḥ ash-Shāmil. (2nd eds.). Bākitān: Dār Ibnī Bashīr.

al-Bannā, Aḥmad bin 'Abdirrahmān bin Muḥammad. (D. Ṭ). al-Faṭḥ ar-Rabbānī Li Tartīb Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal ash-Shaybānī Wa Ma'ahu Buluḡul al-Amāni Min Asrār al-Faṭḥ ar-Rabbānī. (2nd eds.). Bayrūt: Dār Iḥyā' at-Turāth al-'Arabī.

al-Bayhaqī, Aḥmad bin al-Ḥusayn bin 'Alī bin Mūsā. (1988). Dalā'il an-Nubuwwah Wa Ma'rifatul Aḥwālī Ṣūḥibī as-Sharī'ah. (1st eds.) 'Abdul Muṭī Qal'ajī (taḥqīq). Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmīyya.



Published biannually by:
HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)
Email: jurnalhadis@kuis.edu.my
Web: www.jurnalhadis@kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 14, No. 27 (June 2024)

- al-Bazzār, Aḥmad bin 'Amr bin 'Abdil Haq. (2009). al-Baḥr az-Zakhār. (1st eds.). Maḥfūz Ar-Rahmān Zainullāh wa 'Ādil bin Sa'd wa Ṣabrī 'Abdul Khālīq (taḥqīq). al-Madīna al-Munawwara: Maktaba al-'Ulūm Wa al-Ḥikām.
- Al-Bukhārī, Muḥammad Bin 'Isma'īl. (1993). al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ. (5th eds.). Muṣṭafā Dīb al-Bughā (taḥqīq). Dimashq: Dār Ibnu Kathīr.
- al-Ḥākim, Muḥammad bin Abdillāh. (2018). al-Mustadrak 'Alā aṣ-Ṣaḥīḥayn. (1st eds.). al-Farīq al-'Ilmī Limaktab Khidmat as-Sunna (taḥqīq). Dimashq: Dār al-Minhāj al-Qawīm.
- al-Mubarakfurī, Ṣofiyyurahmān. (D. Ṭ). Raḥīq al-Makḥtūm. (2nd eds.). Bayrūt: Dār al-Hilāl.
- as-Shawkānī, Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad bin 'Abdillāh. (1993). Faṭḥ al-Qadīr. (1st eds.). Dimashq: Dār Ibnu al-Kathīr.
- at-Ṭabarī, Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd. (2001). Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl āy al-Qur'ān. (1st eds.). 'Abdullāh bin 'Abdul Muḥsin al-Turkī (taḥqīq). Al-Qāhira: Dār Hajr.
- at-Ṭabarī, Muḥammad bin Jarīr. (D. Ṭ). Tahdhib al-Aṭār Musnad 'Umar bin al-Khattāb. (D. Ṭ). Maḥmūd Muḥammad Shākir (taḥqīq). al-Qāhira: Maṭba'a al-Madanī.
- at-Ṭabrānī, Sulaimān bin Aḥmad. (D. Ṭ). al-Mu'jam al-Kabīr. (2nd eds.). Ḥamdī bin 'Abd al-Majīd (taḥqīq). al-Qāhira: Maktaba Ibn Taymiyya
- at-Talīdī, 'Abdullāh 'Abdul Qādir. (2010). Bidāyat al-Wuṣūl Bilubbi Ṣaḥīḥul al-Ummahāt Wa al-Uṣūl. (1st eds.). Bayrūt: Dār Ibni Ḥazm.
- at-Tha'labī, Aḥmad bin Ibrāhīm. (2015). al-Kahf Wa al-Bayān 'An Tafsīr al-Qur'ān. (1st eds.). 'Adad Min al-Bāḥithīn (taḥqīq). Jedda: Dār at-Tafsīr.
- az-Zubaydī, Muḥammad al-Murtaḍā al-Ḥusainī. (2001). Tāj al-'Arūs Min Jawāhir al-Qāmūs. (D. Ṭ). Jamā'ah Min al-Mukhtaṣṣīn (taḥqīq). al-Kuwayt: Wizārah al-Irshād wa al-Anbā'.
- az-Zurqānī, Muḥammad bin 'Abdil al-Bāqī. (1996). Sharḥ az-Zurqānī 'Alā al-Muwāḥib al-Ladunniyya Bi al-Mīnāh al-Muḥammadiyya. (1st eds.). Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyya.
- Ibn Ḥanbal, Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal al-Shaybānī. (2001). Al-Musnad. (1st eds.). Shu'ayb al-Arna'ūt wa-Ākharūn (taḥqīq). Bayrūt: Mu'assasat ar-Risālah.
- Ibnu 'Abdil Bar, Yūsuf bin 'Abdillāh. (1992). al-Istī'āb Fi Ma'rifat al-Aṣḥāb. (1st eds.). 'Alī Muḥammad al-Bajāwī (taḥqīq). Bayrūt: Dār al-Jīl.
- Ibnu Abī al-'Izz, 'Alī bin 'Alī. (2023). al-Arjūza al-Ma'iyya Fi Dhizkri Ḥāl Ashraf al-Bariyya. (3rd eds.). Aḥmad bin Ghānim al-Asadī (sharḥ) Makka: Dār Ṭaibat al-Khaḍrā'.
- Ibnu Abī Shaiba, 'Abdullāh bin Muḥammad. (١٩٩٧). al-Musnad. (1st eds.). 'Ādil bin Yūsuf al-'Azāzī Wa Aḥmad bin Farīd al-Mazīdī (taḥqīq). al-Riyāḍ: Dār al-Waṭan.
- Ibnu al-Hajjāj, Muslim bin al-Hajjāj. (1955). al-Musnad aṣ-Ṣaḥīḥ. (D. Ṭ). Muḥammad Fuād 'Abdul al-Bāqī (taḥqīq). al-Qāhira: Maṭba'a 'Īsā al-Bābī al-Ḥalabī Wa Sharikāhu.
- Ibnu Fāris, Aḥmad bin Fāris. (1979). Mu'jam Maqāyīs al-Lughā. (D. Ṭ). 'Abdussalām Muḥammad Ḥārūn (taḥqīq). Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Ibnu Ḥishām, 'Abdul Malik bin Ḥishām bin Ayyūb. (2022). Sīratu Rasūlillāh. (1st eds.). Ḥammām 'Abdul Raḥīm As-Sa'īd wa 'Ādil Murshīd al-Maqdisī (taḥqīq). 'Ammān: Dār al-Fārūq.
- Ibnu Kathīr, Ismā'īl bin 'Umar. (2003). al-Bidāya Wa an-Nihāya. (1st eds.). 'Abdullāh bin 'Abdul Muḥsin al-Turkī (taḥqīq). al-Qāhira: Dār Hajr.



Published biannually by:
HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)
Email: jurnalhadis@kuis.edu.my
Web: www.jurnal.kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 14, No. 27 (June 2024)

- Ibnu Kathīr, Ismā'īl bin 'Umar. (2017). Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓim. (1st eds.). Muṣṭafā al-'Adawī (taḥqīq). al-Qāhira: Dār Ibni Rajab.
- Ibnu Manẓūr, Muḥammad ibn Mukarram ibn Alī. (1993). Lisān al-'Arab. (3rd eds.). Jamā'ah Min al-Lughawīyyīn (ḥawāshī). Bayrūt: Dār al-Ṣādir.
- Ibnu Sa'd, Muḥammad bin Sa'd bin Manī'. (2001). At-Ṭabaqāt Al-Kabīr. (1st eds.). 'Alī Muḥammad 'Umār (taḥqīq). Al-Qāhira: Maktaba Al-Khānjī.
- Ibnu Taymiyya, Aḥmad bin 'Abdil Ḥalīm. (1999). al-Jawāb al-Ṣaḥīḥ Li Man Baddala Dīn al-Masīḥ. (2nd eds.). 'Alī bin Ḥusayn Wa 'Abdul 'Azīz bin Ibrāhīm Wa Ḥamdān bin Muḥammad (taḥqīq). al-Riyāḍ: Dār al-'Āshimah.
- Fadzlan Abd Kadir, & Roshimah Shamsudin. (2022). Manhaj Kritikan Muḥaddithūn Terhadap Riwayat Sirah Dan Penerapannya Dalam Penulisan Sirah: Methodology Of Criticism By Hadith Scholars Upon Sīrah Narrations And Its Application In Sīrah Writing. Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah, 18(1), 47-70. <https://doi.org/10.33102/jmqqs.v18i1.338>
- Mohd Nasir, M. K., Kamarul Zaman, A. R., Abd. Azid, M. A., & Hussain, A. A. (2021). Trend kajian hadis berasaskan teknologi maklumat dan digital: suatu sorotan literatur: Trends in hadith studies based on information and digital technology: a literature highlight. *HADIS*, 11(22), 770-779. <https://doi.org/10.53840/hadis.v11i22.168>
- Abdullah, M. Z. (2020, March 10). *Program Pembangunan SRIDI Kota Putra*. Scribd. <https://www.scribd.com/presentation/450988086/sridi-2020>
- Mamat, P. (2018, December 30). *Manifesto SRIDI Terengganu Makin Berkembang*. Terengganu 11. <https://www.terengganu11.com/2019/12/manifesto-sridi-terengganu-makin.html>
- Mohamad, A. (2018, December 31). *SRIDI Mercu Kejayaan PAS DUN Bukit Besi*. Buletin Online. <https://buletinonlines.net/v7/index.php/sridi-mercu-kejayaan-pas-dun-bukit-besi/>